

MTUC jadi alat pembangkang



BM 17 JUN 1990

KUALA LUMPUR: Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) kini dijadikan alat oleh beberapa pemimpin parti Semangat 46 dan DAP yang menganggotai pertubuhan itu untuk kepentingan badi mereka, kata **Mak Seri Dr Mahathir Mohamad**.

Menurut Perdana Menteri, tindakan beberapa pemimpin itu memeralatkan MTUC semakin nyata hingga ke peringkat sanggup memperjudikan nasib pekerja semata-mata untuk mendapatkan pengaruh dan pengiktirafan.

Sehubungan itu, beliau selaku Presiden Umno akan menjelaskan kepada rakyat mengenai tindakan buruk parti-parti pembangkang dalam siri lawatan persiapan menghadapi pilihanraya umum ke satu bahagian Umno di setiap negeri mulai hari ini.

Dalam siri lawatan yang bermula di Umno bahagian Lembah Pantai hari ini dan berakhir 10 Julai itu, Datuk Seri Dr Mahathir juga akan menjelaskan percubaan parti-parti pembangkang mengganggu pegawai kerajaan sewaktu melaksanakan tugas seharisan mereka.

"Lawatan ke seluruh negara ini bagaimanapun, tidak bertujuan menjawab tuduhan pembangkang. Kita bukan di pihak yang salah. Tetapi tindakan buruk pembangkang perlu dijelaskan kepada ahli parti," katanya menjawab soalan pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MY) Umno di sini semalam.

Beliau berkata, meayuarat kira-kira tiga jam itu membincangkan secara terperinci tarikh pilihanraya umum tetapi "MT beraetuju supaya tarikh itu tidak ditetap dahulu. Umno sekarang bersiap sedia untuk menghadapi pilihanraya bila-bila masa...daripada sekarang hingga Oktober 1991."

Menurutnya, tempoh akhir bagi cawangan-cawangan Umno mengadakan mesyuarat dilanfutkan hingga 15 Julai berikutan ada beberapa cawangan yang tidak dapat berbuat demikian sehingga akhir bulan ini.

Kepada aatu soalan, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan, penahanan tiga rakyat Sabah mengikut Akta Keelamatan Dalam Negeri baru-baru ini tidak bermotifkan politik.

"Itu adaiiah tindakan biasa polis mengikut budi bicara pegawai terbabit kerana mereka bebas meiakakan tanggungjawab tanpa campur tangan politik. Kita tidak pilih kasih menahan seseorang," katanya.

Beliau berkata, jika perasaan rakyat Sabah diambil kira, penahanan itu merugikan kerajaan pusat kerana ia menimbulkan rasa benci mereka kepada Kerajaan Persekutuan.

"Sebagai ahli politik, saya dan sesiapa juga tidak mempunyai kuasa untuk me-

● SILA UHAT MUKA 2

BM 17 JUN 1990

Penahanan rugikan Kerajaan Pusat, kata Dr M

● DARI MUKA 1

mentukan siapa yang harus ditahan atau tidak. Terpuulanglah kepada pegawai berkenaan mengambil tindakan. Dalam hal ini, kesan tindakan mereka merugikan kerajaan pusat di segi politik," katanya.

Mengenai royalti minyak untuk Sabah, Perdana Menteri berkata negeri itu tidak harus mempersoalkan pengagihan pendapatan daripada minyak kerana pembahagian itu sudah adil, msnakala kadar lima peratus yang diberikan kepada Sabah adalah jumlah cukup besar.

"Saya berpendapat penemuan minyak di kawasan-kawasan tertentu hanyalah secara kebetulan. Kami

menganggap ini sebagai milik negara dan perlu dilindungi oleh Kerajaan Persekutuan.

"Jika dahulu hasil minyak di Terengganu dan Sarawak turut diagihkan untuk pembangunan di Sabah tanpa bantatian rakvat negeri itu, adalah adil perkara yang sama dibuat daripada hasil minyak Sabah," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihanraya kecil kawasan Kuala Linggi di Melaka dan Kijal di Terengganu belum dipilih kerana masih ada banyak masa untuk berbuat demikian. Bagaimanapun, katanya, Umno sudah bersedia dan yakin mencapai kemenangan.